

145

NO SOALAN :61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2018

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikutan Perdana Menteri baru-baru ini menuntut bahawa pihak Kerajaan adalah telus mengenai isu 1MDB, adakah beliau akan menyokong Ahli Parlimen membahaskan isu ini di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2015, Kementerian Kewangan selaku pemegang 100% kepentingan saham 1MDB melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah mengambil langkah untuk menjalankan kajian strategik

atau strategic review (dengan izin) dan seterusnya melaksanakan pelan rasionalisasi terhadap 1MDB.

YAB Menteri Kewangan juga mengakui akan kelemahan urus tadbir atau kegagalan di dalam 1MDB dan telah mengarahkan siasatan secara besar-besaran dijalankan terhadap 1MDB dan turut meminta supaya rasionalisasi dilakukan terhadap syarikat tersebut. Keseluruhan isu 1MDB sudah diteliti dan disiasat oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC). Siasatan ke atas 1MDB juga telah dilakukan oleh Jabatan Audit Negara (JAN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Peguam Negara.

147

SOALAN : 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDULLAH SANI B. ABDUL HAMID
(KUALA LANGAT)**

TARIKH : 21 MAC 2018

RUJUKAN : 10717

SOALAN :

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kedudukan gaji para anggota
penjara dikaji semula supaya selaras dengan tanggungjawab yang
mereka pikul selama ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Antara beberapa penambahbaikan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-

- a) seramai 222 orang daripada kumpulan pelaksana di Jabatan Penjara Malaysia terlibat dengan kenaikan pangkat secara “time-based” iaitu kenaikan pangkat bagi pegawai yang mencapai tahap kecemerlangan prestasi tanpa terikat dengan kekosongan jawatan hakiki;**
- b) penambahan beberapa lapisan gred jawatan melibatkan Pegawai Penjara bagi Gred KA40 dan Penolong Penguasa Penjara KA28 akan memberikan peluang kenaikan pangkat kepada lebih ramai pegawai dan anggota Jabatan Penjara Malaysia;**
- c) bayaran insentif kepada Pegawai Penjara telah dinaikkan dari RM100 ke RM150; dan**
- d) seramai 4,225 Pegawai Penjara bagi Gred KA20 akan dinaikkan pangkat ke Gred KA22.**